BR(29.00)202/2-25

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL.1 TAHUN 2002

Semua Pegawai Pengawal

ANGGARAN PERBELANJAAN 2002

Adalah dimaklumkan bahawa sejumlah RM100,518,506,120 telah diluluskan bagi Anggaran Perbelanjaan 2002.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus

2. Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2002 bertarikh 27 Disember 2001 mengikut subseksyen (2) dan (3) seksyen 13 Akta Prosedur Kewangan 1957, bagi pengeluaran wang sebanyak RM66,982,014,490 daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

a. jumlah sebanyak RM17,073,241,970 sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang ditanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan; dan

b. jumlah sebanyak RM49,908,772,520 sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang diluluskan oleh Akta Perbekalan 2002.

3. Pegawai Pengawal adalah dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun berkenaan. Walau bagaimanapun, Pegawai Pengawal adalah diminta mengawasi supaya perbelanjaan mengurus bagi sesuatu perkhidmatan di bawah kawalannya, tidak melebihi jumlah yang telah diluluskan dalam Anggaran itu.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

4. Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2002 bertarikh 27 Disember 2001 mengikut Seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966, bagi pengeluaran wang berjumlah RM33,536,491,630 daripada Kumpulan Wang Pembangunan yang dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan bagi Butiran-butiran di bawah Maksud-maksud yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2002.

5. Adalah diingatkan bahawa jumlah yang ditanggungkan ke atas sesuatu Maksud atau Butiran tidak boleh melebihi jumlah yang diperuntukkan bagi Maksud dan Butiran itu mengikut ruangan (8) dan (9) dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2002. Jumlah yang dikeluarkan bagi satu-satu Maksud atau Butiran pada bila-bila masa tidak boleh melebihi jumlah anggaran harga projek seperti yang tercatat di bawah ruangan (3) Anggaran Perbelanjaan yang sama kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan.

6. Pegawai Pengawal adalah dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran itu, melainkan dari Butiran di bawah ruangan (9) "Pinjaman" yang memerlukan kelulusan Perbendaharaan terlebih dahulu mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 1989 sebelum wang pinjaman itu dikeluarkan.

7. Pegawai Pengawal perlulah memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi supaya dapat dilaksanakan mengikut jadual. Dalam hubungan ini, Pegawai Pengawal juga perlu mengambil perhatian mengenai keperluan mengemas kini maklumat projek pembangunan melalui Sistem Pemantauan Projek (PMS) dari masa ke semasa.

8. Sehubungan dengan itu, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang diberi kepada agensi pelaksana seperti Badan Berkanun adalah mengikut kemajuan projek bagi memastikan wang yang diberi kepada agensi tersebut dibelanjakan sepenuhnya ke atas projek berkenaan.

9. Pegawai Pengawal diminta mengambil perhatian dan mematuhi Arahan Perbendaharaan 103 yang menghendaki supaya semua bil dijelaskan dalam tempoh satu bulan dari tarikh bil diterima. Arahan Perbendaharaan 59 hendaklah digunakan bagi mengelakkan kelewatan pembayaran bil sekiranya didapati perbelanjaan telah dilakukan atas nama Kerajaan Malaysia tetapi tidak menepati peraturan kewangan.

Pengeluaran Waran-waran Peruntukan

10. Pegawai Pengawal sepatutnya telah pun mengeluarkan waran agihan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran peruntukan tertentu sebaik sahaja Waran Am dikeluarkan bagi membuat perbelanjaan di mana yang berkenaan, tertakluk kepada syarat yang dinyatakan di perenggan 6 di atas. Peringatan mengenai perkara ini telah dikeluarkan kepada semua Pegawai Pengawal.

Kawalan Perbelanjaan

11. Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya mematuhi Akta Prosedur Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Dalam menjalankan pengurusan perbelanjaan, Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti mana yang dijelaskan di dalam Seksyen 15A, Akta Prosedur Kewangan 1957. Pegawai Pengawal juga adalah diminta bersikap tegas dan tidak ragu-ragu untuk mengambil tindakan surcaj terhadap mana-mana pegawai dan kakitangan yang melakukan kesalahan seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 18, Akta yang sama.

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

12. Pengurusan kewangan yang mantap adalah penting bagi memastikan perbelanjaan agensi Kerajaan dibuat dengan teratur, cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Perbendaharaan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 bertujuan untuk membantu Pegawai Pengawal meningkatkan pengurusan kewangan dan akaun di agensi masing-masing. Surat Pekeliling tersebut mengandungi garis panduan terperinci mengenai Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun dan semua Pegawai Pengawal adalah dinasihatkan supaya mematuhi Surat Pekeliling tersebut.

(Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Kuala Lumpur

3 Januari 2002

s.k:

Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia